

Kes Adib: Tiada yang akan terlepas - Peguam Negara

KOSMO ONLINE | 30 September 2019 7:14 PM



Tommy Thomas. Gambar fail

KUALA LUMPUR - Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas hari ini menegaskan bahawa tiada yang akan terlepas apabila Jabatan Peguam Negara mendapat kertas siasatan daripada pihak polis setelah mereka (polis) mengenal pasti suspek yang terlibat dengan kematian anggota Bomba dan Penyelamat Muhammad Adib Mohd Kassim.

Beliau berkata, kertas siasatan itu akan diteliti dengan berhati-hati dan secara profesional.

“Orang ramai harus diberikan jaminan bahawa pejabat Pendakwa Raya mengambil serius tanggungjawabnya di bawah undang-undang. Ini ialah janji kami,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau juga berkata, terdapat banyak spekulasi yang kebanyakannya memberikan maklumat yang salah berhubung langkah yang perlu diambil oleh pelbagai agensi kerajaan berikutan keputusan Koroner Rofiah Mohamad pada penghujung inkuies yang dijalankan ke atas kematian tragis Muhammad Adib.

Tommy berkata, Koroner telah memutuskan bahawa dua atau tiga individu telah mengakibatkan kematian Adib dan mengarahkan pihak polis untuk menyambung siasatan mereka.

Beliau berkata Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Hamid Bador telah memberikan maklum balas kepada orang ramai bahawa pihak polis akan menyiasat.

“Pihak polis harus diberikan masa dan ruang untuk menjalankan siasatan mereka. Pihak polis mempunyai sumber dan kepakaran untuk menjalankan tugas mereka di bawah undang-undang.

Selepas siasatan dilengkapkan dan pelaku suspek dikenal pasti oleh pihak polis, beliau berkata kertas siasatan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya dengan syor polis.